

14 JUN 2000

MAHATHIR-PERTUMBUHAN/I

MAHATHIR: M'SIA TERUS YAKIN TERHADAP KEKALKAN PERTUMBUHAN KUKUH.

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia terus yakin terhadap mengekalkan pertumbuhan yang positifnya sungguhpun terdapat sedikit jangkaan kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat.

"Kita mempunyai harapan yang munasabah yang kita boleh mengekalkan pertumbuhan kita," beliau memberitahu persidangan akhbar selepas melancarkan kereta Perodua Kenari di sini hari ini.

Pertumbuhan 11.7 peratus suku pertama Malaysia telah mendorong satu ombak peningkatan taraf oleh firma-firma pelaburan asing bagi Keluar Dalam Negara Kasar (KDNK) negara ini.

Menjawab satu soalan mengenai prospek ekonomi Malaysia bagi setahun penuh di tengah-tengah ramalan kemerosotan ekonomi AS, Dr Mahathir berkata pertumbuhan domestik dalam separuh pertama tahun ini mungkin tidak setinggi dalam suku pertama kedua tahun ini.

Bagaimanapun, katanya pertumbuhan KDNK separuh kedua tahun ini masih lebih tinggi daripada angka suku ketiga 1999 sebanyak 8.1 peratus.

Bank Negara Malaysia telah meramalkan pertumbuhan KDNK di antara 7.5 dan 8.0 peratus bagi tahun ini.

Mengenai sama ada Malaysia akan dapat mencatatkan pertumbuhan 8.0 peratus bagi seluruh tahun ini, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Kita akan cuba."

-- BERNAMA

MAD/MFJ SHY OS